

Melestarikan Sejarah Seni Warisan Budaya Tarian Piring Selangor.

Rabiatul Addawiah¹, Nur Anis Nabila Borhan², Marlia Idrus³ dan Jafalizon Md Jali^{4*}.

¹ Pusat Pengajian Sains Maklumat, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik, UiTM Cawangan Selangor; 2021476572@student.uitm.edu.my;

² Pusat Pengajian Sains Maklumat, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik, UiTM Cawangan Selangor; 2021454742@student.uitm.edu.my;

³ Pusat Pengajian Sains Maklumat, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik, UiTM Cawangan Selangor; marlia945@uitm.edu.my;

⁴ Pusat Pengajian Sains Maklumat, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik, UiTM Cawangan Selangor; jafalizon@uitm.edu.my;  0009-0009-7236-9863

* Correspondence: marlia945@uitm.edu.my

Abstrak: Kajian ini membincangkan Tarian Piring Selangor sebagai salah satu warisan budaya yang penting di negeri Selangor. Tarian ini bukan sahaja mewakili keunikan seni persembahan tradisional, tetapi juga menjadi simbol identiti budaya bagi masyarakat setempat. Melalui metodologi sejarah lisan dan temu bual dengan tokoh-tokoh yang berperanan dalam pemeliharaan tarian ini, kajian ini mendalami sejarah, perkembangan, dan makna budaya di sebalik tarian piring. Dapatan kajian menunjukkan bahawa usaha pemuliharaan yang berterusan adalah penting untuk memastikan tarian ini diwarisi oleh generasi akan datang. Penelitian ini juga membincangkan tentang cabaran yang dihadapi dalam mengekalkan tarian piring di alaf baru ini, serta langkah-langkah yang boleh diambil untuk mempromosikan dan memelihara seni warisan ini.

Kata Kunci: Warisan, Budaya, Tarian Piring, Selangor, Kesenian,

DOI: 10.5281/zenodo.13927663



Copyright: © 2024 by the authors. Submitted for open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY) license (<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>).

1. PENGENALAN

Malaysia merupakan sebagai sebuah negara yang makmur di Asia Tenggara yang mempunyai warisan budaya yang kaya dan mempesona yang mencerminkan kepelbagaian etnik, termasuk Melayu, Cina, India, dan bumiputera lain. Setiap elemen warisan budaya ini menciptakan landskap budaya yang berwarna-warni, dari tarian tradisional yang bertenaga sehingga seni ukir kayu yang halus. Dengan bangunan bersejarah yang menjadi saksi kekayaan sejarah Malaysia, warisan budaya ini tidak hanya meninggalkan kesan pada sejarahnya, tetapi juga terus berkembang, menambah pesona dan daya tarikan Malaysia di mata dunia.

Menurut Keai and Tugang (2020), warisan adalah tinggalan yang diwarisi sejak turun temurun. Selalunya, warisan yang diturunkan merangkumi elemen budaya seperti objek, seni, linguistik, kulinari tradisional, kearifan tempatan, adat dan pakaian tradisional. Selain itu, warisan juga boleh membawa kepada maksud yang lebih besar seperti warisan sejarah, warisan semula jadi dan warisan budaya. Warisan merangkumi aspek budaya, alam semula

jadi dan entiti politik yang diturunkan kepada sebuah entiti dalam kelompok yang besar seperti etnik dan negara.

Salah satu elemen penting dalam warisan budaya Malaysia ialah tarian piring, sejenis tarian tradisional yang berasal dari Sumatera Barat, Indonesia. Tarian ini telah lama turut menjadi sebahagian daripada budaya Melayu di Malaysia, khususnya dalam kalangan masyarakat Minangkabau yang menetap di Negeri Sembilan dan Selangor. Menurut Redaksi (n.d.), tarian piring merupakan salah satu tarian khas Indonesia yang sangat unik kerana ketika menari, para penari akan membawa piring di kedua tangan. Ayat tersebut membuktikan bahawa tarian piring yang ada dalam kalangan masyarakat etnik ini termasuk penduduk di sekitar Selangor, adalah berasal daripada negara luar iaitu dari Sumatera Barat, Indonesia.

Asal usul tarian piring yang bermula dan dikembangkan dari tanah Minangkabau di Sumatera Barat, Indonesia ini, pada asalnya dipersembahkan bukan sahaja sebagai hiburan tetapi juga sebagai simbolik kepada rasa syukur masyarakat terhadap hasil tuaian yang baik. Gerakan-gerakan dalam tarian ini menggambarkan kehidupan harian para petani, dari proses bercucuk tanam sehingga menuai padi. Tarian ini kemudiannya mula diterima dan disesuaikan dengan budaya setempat. Seiring dengan kemajuan, tarian ini sudah tidak lagi dipersembahkan sebagai ritual melainkan Cuma dipersembahkan sebagai tujuan hiburan semata mata di majlis-majlis keramaian seperti majlis adat, majlis perkahwinan dan persandingan atau di majlis perasmian. Menurut Indrayuda (2013), tarian ini turut dianggap sebagai pelengkap dalam suatu majlis perkahwinan kerana para penari meraikan kehadiran pasangan pengantin yang digelar sebagai 'raja sehari' melalui gerak lenggok tarian yang memberi simbolik 'selamat datang'.

Di Malaysia, tarian ini dibawa oleh para perantau Minangkabau ke pantai barat Tanah Melayu khususnya di Pantai Barat Semenanjung, termasuk ke negeri Selangor sekitar abad ke-12 Masihi. Tarian ini telah melalui pelbagai evolusi, dengan tujuan utamanya sebagai hiburan dalam majlis perasmian, majlis perkahwinan serta sambutan kebudayaan. Ianya diadaptasi dan diterima sebagai sebahagian daripada warisan budaya Melayu, terutamanya di negeri-negeri yang mempunyai populasi besar masyarakat Minangkabau terutamanya di Negeri Sembilan dan Selangor. Menurut Nazar (2018), Tarian Piring Selangor merupakan suatu bentuk kesenian tradisional yang telah disesuaikan mengikut corak kehidupan masyarakat setempat dan diterima sebagai warisan rakyat Selangor dimana ianya turut menyentuh banyak aspek tamadun Melayu, sejarah, perkembangan dan persembahan tarian piring di alam Melayu contohnya dalam pergerakan asas dalam tarian, peralatan muzik, pakaian dan unsur unsur peristiwa yang berkait dengan hubungan antara masyarakat Minangkabau di Sumatera Barat dan masyarakat Minangkabau di Selangor. Keunikan tarian piring di setiap negeri mencerminkan pengaruh sejarah dan interaksi antara budaya masyarakat Minangkabau dan Melayu, menjadikannya satu bentuk kesenian yang kaya dengan nilai sejarah dan budaya.

Sejak kedatangannya pada abad ke-12 Masihi, tarian ini telah mengalami perkembangan dan adaptasi di beberapa negeri di Malaysia, termasuk Selangor, Negeri Sembilan, Perak, Pahang, dan Terengganu, menjadikannya sebahagian daripada warisan kebudayaan tempatan di setiap negeri tersebut. Di Selangor, tarian ini mula berkembang di Jenderam Hilir, Sepang sekitar tahun 1885, mempunyai 22 gerakan khas yang melambangkan gerakan dari mula bercucuk tanam sehingga menuai hasil yang kini dipersembahkan sebagai demonstrasi budaya. Negeri Sembilan juga turut menerima pengaruh tarian piring ini disebabkan oleh hubungan rapat dengan masyarakat Minangkabau melalui adat Perpatih, simbolik gerakannya lebih fokus kepada adat dan tradisi Minangkabau dan lebih banyak dipersembahkan di dalam majlis adat dan perkahwinan. Di Perak, tarian ini dipersembahkan sambil memegang piring yang terdapat lilin di atasnya, asalnya

dipersembahkan untuk tujuan ritual dan kini cuma sebagai hiburan dalam kalangan masyarakat. Tarian piring di negeri Pahang dan Terengganu tidak terlalu dikenali kerana tarian ini cuma berkembang di kawasan tertentu yang mempunyai majoriti masyarakat Minangkabau sahaja, tarian piring di Pahang dan Terengganu cuma dipersembahkan di dalam majlis adat atau majlis perkahwinan.

Di Selangor, tarian ini mula berkembang pesat di Jenderam Hilir, Sepang, sekitar tahun 1885, tarian piring telah menjadi sebahagian daripada identiti kebudayaan negeri ini. Ia tidak hanya dipersembahkan dalam majlis-majlis rasmi, tetapi juga dalam acara kebudayaan tempatan yang lain, sebagai simbol warisan dan penghormatan kepada budaya nenek moyang. Seiring dengan perkembangan zaman, Tarian Piring Selangor telah mengalami beberapa perubahan dari segi gerak tari dan elemen-elemen utamanya. Unsur-unsur budaya Melayu telah diserap masuk ke dalam tarian ini, menjadikannya lebih sesuai dengan adat dan budaya masyarakat Melayu, Selangor. Walaupun masih mengekalkan gerakan asas yang sama, seperti gerakan seolah-olah petani sedang menuai padi, beberapa pergerakan khusus telah ditambah untuk membezakan Tarian Piring Selangor daripada versi asalnya di Sumatera. Usaha untuk memelihara dan mempopularkan Tarian Piring Selangor terus dilakukan, agar warisan ini tetap dikenali oleh generasi masa depan dan terus menjadi kebanggaan serta kekal sebagai identiti masyarakat Selangor.

Melalui penelitian dan penyelidikan yang dilakukan, jelas bahawa tarian piring ini berasal dari satu sumber budaya yang sama, iaitu masyarakat Minangkabau di Sumatera Barat, Indonesia. Setelah berkembangnya tarian ini di negeri-negeri dalam Malaysia, terdapat pertambahan dan perubahan sama ada dari segi gerakan, formasi, pakaian, dan bunyian muzik yang membezakannya tarian ini dalam setiap negeri tersebut. Seni warisan budaya Tarian Piring Selangor ini telah pun diiktiraf sebagai sebahagian daripada identiti negeri Selangor yang perlu dikekalkan dan dipelihara. Dengan adanya kesedaran akan kepentingan pemuliharaan warisan budaya, Tarian Piring Selangor dapat terus diwarisi oleh generasi seterusnya sebagai satu warisan yang kaya dengan jati diri masyarakat Selangor dan Malaysia secara keseluruhan.

2. PERMASALAHAN KAJIAN

Kajian dan penyelidikan yang kurang tentang seni budaya tarian piring di Selangor menyebabkan kurangnya pengetahuan dan pendedahan mengenai warisan seni tari tarian piring kepada generasi muda. Hal ini memberi impak negatif kepada masyarakat tempatan dan para pengkaji generasi hadapan yang mungkin memerlukan maklumat tersebut untuk tujuan pembangunan, pemuliharaan warisan, atau keperluan lain.

Melalui pendekatan yang sesuai, usaha pemeliharaan dan pelestarian tarian piring boleh dipertingkatkan. Pertama, meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan warisan budaya ini melalui program pendidikan, seminar dan acara budaya. Hal ini memerlukan kerjasama dengan lembaga pendidikan, organisasi budaya dan kerajaan juga penting dalam memainkan peranan untuk memelihara warisan budaya kita. Menurut Nasruddin dan Ramli (2020), pemanfaatan media massa dan sosial untuk mempromosikan tarian piring secara meluas juga dapat membantu dalam pelestariannya.

Menurut Surya (2018), sumber manusia boleh menjejaskan ketersediaan penari dan jurulatih yang mahir. Hal ini penting untuk kita terus memelihara tarian piring agar tidak ditelan zaman dan terus dilupakan oleh generasi akan datang kerana kekurangan tenaga pengajar dan penari yang berminat untuk meneruskan warisan budaya tarian piring ini. Perbelanjaan yang tidak mencukupi boleh menghalang akses kepada peralatan, lokasi, dan aktiviti promosi yang diperlukan. Hal ini

merupakan perkara yang penting untuk diteliti oleh kerajaan untuk memperuntukkan perbelanjaan yang cukup dalam melestarikan warisan budaya kita.

Pengambilalihan budaya adalah fenomena dimana aspek-aspek tradisional dan nilai-nilai budaya lama dari sebuah masyarakat atau warisan budaya diteruskan, tetapi pada akhirnya diubah atau ditafsirkan dengan cara yang berbeza oleh faktor-faktor luar. Pada contohnya, tarian piring merupakan warisan budaya yang berasal dari Sumatera Barat yang telah mengalami perubahan yang besar dalam gerakan, pakaian, muzik, dan penggunaannya.

Menurut Aristy, Azhari, and Zuska (2018), pengambilalihan budaya ini terjadi kerana adanya interaksi antara budaya lokal dengan budaya global, yang mengakibatkan adanya proses pengaruh, adaptasi, dan transformasi. Hal ini mengakibatkan perubahan dalam makna asli tarian piring, yang sebenarnya merupakan sebuah ritual kepercayaan berubah menjadi sebuah tarian bertujuan hiburan mengikut peredaran zaman.

Terdapat beberapa aspek yang perlu diambil kira dalam menjelaskan kehilangan minat generasi muda. Salah satu aspek yang dapat diperhatikan adalah perubahan budaya dan nilai-nilai yang diterapkan dalam generasi muda masa kini. Menurut Nurhasanah, Siburian, & Fitriana (2021), generasi muda sering kali terdedah kepada pengaruh teknologi, dan budaya barat yang dapat mengurangkan minat mereka terhadap warisan budaya tradisional seperti tarian piring.

Selain itu, faktor-faktor seperti kurangnya pemahaman dalam nilai-nilai budaya dan kurangnya kesedaran tentang pentingnya warisan budaya juga dapat menyebabkan kehilangan minat generasi muda dalam mempelajari, menghargai, dan mempraktikkan kesenian adat budaya. Dalam konteks ini, pendekatan kreatif dan inovatif perlu diambil untuk menarik minat generasi muda, seperti menggabungkan elemen-elemen moden dalam pembelajaran tarian piring dan memanfaatkan teknologi untuk mempromosikan warisan budaya ini kepada generasi muda secara lebih efektif.

3. OBJEKTIF KAJIAN

- i. Memahami sejarah dan perkembangan tarian piring di Malaysia.
- ii. Mengetahui dan menganalisis perbezaan elemen-elemen utama dalam tarian piring di Selangor dan negeri-negeri lain.
- iii. Mengetahui tentang formasi dan gerak tari dalam Tarian Piring Selangor.

4. PERSOALAN KAJIAN

- i. Apakah sejarah dan perkembangan tarian piring di Malaysia?
- ii. Apakah perbezaan di sebalik makna budaya dan simbolisme disebalik elemen gerakan, muzik, dan persembahan tarian piring antara negeri-negeri lain
- iii. Apakah formasi dan gerak tari dalam Tarian Piring Selangor?

5. KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN

Tarian piring merupakan sebuah seni warisan yang kaya dengan seni tari yang mempunyai banyak maksud yang tersirat dan tersurat disebalik setiap formasinya. Secara umum di Malaysia, tarian piring sering kali dipersembahkan ketika majlis perkahwinan terutamanya dalam kalangan

keluarga berada, bangsawan dan hartawan di sesebuah kampung atau daerah. Tarian piring juga sering dikaitkan dengan kepercayaan dan tradisi masyarakat Melayu yang mengandungi elemen-elemen keagamaan dan kebudayaan. Tarian ini turut dianggap sebagai lambang kekayaan dan kemewahan dalam budaya Melayu.

Kajian terhadap tarian piring memainkan peranan penting untuk kita mengekalkan seni warisan budaya kita. Dengan memahami sejarah, formasi dan makna disebalik setiap gerakan, kita dapat membantu untuk menjaga keaslian tarian ini. Hal ini juga termasuk dengan pakaian, muzik yang didendangkan dan alatan-alatan yang digunakan semasa tarian ini berlangsung. Melalui kajian yang mendalam, kita dapat memastikan bahawa warisan budaya ini terus hidup dan berkembang dalam masyarakat kita. Hal ini penting untuk memastikan warisan seni tradisional terus dijaga dan dilestarikan untuk generasi akan datang. Penghayatan yang mendalam terhadap tarian piring juga dapat memperkukuhkan hubungan antara generasi muda dengan warisan budaya mereka. Dengan memahami nilai dan makna di sebalik tarian piring, generasi akan datang dapat mewarisi dan menyebarkan keunikan seni tradisional ini.

Selain itu, tarian piring juga memainkan peranan yang penting dalam memperkukuh perpaduan antara masyarakat dan juga identiti di negara kita. Dengan mempromosikan tentang seni tarian piring ini, ia dapat menjadi titik pertemuan antara pelbagai lapisan masyarakat di Malaysia. Seperti yang kita tahu, tarian piring mempunyai banyak nilai-nilai murni yang ada disebalik setiap gerakan tarian ini seperti kerjasama dan keberanian yang dapat dipupuk kepada setiap penari. Oleh itu, tarian piring bukanlah hanya sebarang hiburan untuk meluangkan masa, tetapi ianya mempunyai maksud yang lebih mendalam dan dapat menjadi medium untuk memupuk semangat perpaduan dan keharmonian di kalangan rakyat Malaysia.

Melalui kajian tentang tarian piring, masyarakat dari bangsa-bangsa yang berbeza di Malaysia dapat memahami dan menghargai kebudayaan dan tradisi masing-masing dengan lebih baik. Ini membantu dalam memperkukuhkan perpaduan dan toleransi antara pelbagai etnik di negara ini. Kajian ini juga dapat memperkaya pengetahuan tentang sejarah dan perkembangan tarian piring serta nilai-nilai yang terkandung di dalamnya. Dengan pemahaman yang lebih mendalam, generasi muda dapat mewarisi warisan budaya ini dengan lebih baik untuk masa depan. Dengan demikian, kajian tentang tarian piring tidak hanya memperkaya budaya Malaysia tetapi juga memainkan peranan penting dalam mewarisi warisan budaya kepada generasi akan datang. Ini penting untuk memastikan kesinambungan dan kelestarian kebudayaan tradisional di negara ini.

6. TINJAUAN LITERATUR

Menurut Zatie Satibi (2019), tarian piring dikatakan warisan kebudayaan masyarakat Minangkabau yang dibawa dari kepulauan Sumatera, Indonesia ke pantai barat Tanah Melayu bermula sekitar abad ke-12 Masihi. Di Selangor, tarian ini berkembang di Jenderam Hilir, Sepang sekitar 1885 oleh masyarakat Minang yang merantau dari Sumatera. Menurut Bandar Aktiviti Seni Kuala Lumpur (2022) pula, Tarian Piring Selangor lazimnya dipersembahkan ketika majlis perkahwinan, sambutan meraikan pembesar dan majlis keraian lain namun kini Tarian Piring Selangor hanya kekal sebagai satu bentuk tarian untuk tujuan demonstrasi dan persembahan budaya.

Menurut Zaitie Satibi (2019) juga, perkembangan awal tarian piring di Selangor boleh dilihat dari awal kedatangan masyarakat Minangkabau yang membawa tradisi dan adat budaya mereka. Seiring waktu, tarian ini turut menjadi sebahagian dari kebudayaan masyarakat Melayu di Selangor, dengan menambahkan unsur-unsur kemelayuan sesuai dengan adat kebudayaan masyarakat melayu. Seperti yang dinyatakan di dalam laman web Selangor Travel (2019), tarian piring merupakan salah

satu tarian tradisional di Selangor yang pada asalnya dikenali sebagai “Tari Piring” dimana para penari akan menari bersama piring di atas kedua telapak tangan mereka dan kemudiannya para penari akan menari di atas pecahan piring kaca yang telah dihancurkan. Tarian ini ditarikan secara berpasangan atau pun hanya ditarikan oleh penari lelaki sahaja.

Persembahan Tarian Piring Selangor sehingga kini di hadapan khalayak umum ini membantu melestarikan warisan gabungan adat budaya dan menimbulkan rasa untuk lebih menghargai kekayaan budaya masyarakat di Selangor. Seiring dengan perkembangan zaman, tarian piring terus berkembang dan tetap relevan dalam konteks budaya kontemporari. Pelbagai usaha telah dilakukan untuk mempromosikan dan melestarikan warisan tarian ini, termasuk melalui memperkenalkan dan mengajarkan tarian ini kepada generasi muda agar tarian piring boleh dikekalkan sebagai sebahagian dari identiti budaya Selangor.

Meskipun tarian piring memiliki asal usul yang sama, iaitu berasal dari tradisi masyarakat Minangkabau di Sumatera Barat, Indonesia. Perbezaan dalam unsur-unsur tertentu dapat ditemukan antara tarian piring di Selangor dan di negeri lain di Malaysia. Seperti yang dinyatakan oleh Zaitie Satibi (2019) yang menariknya, tarian ini tetap menampilkan gerakan yang sama iaitu gerakan yang menggambarkan seolah-olah petani sedang bercucuk tanam dan menuai padi. Ianya dipersembahkan sebagai satu bentuk hiburan selepas penat membanting tulang, selain melambangkan rasa gembira dan syukur dengan hasil tanaman mereka.

Gerakan tubuh dan tangan dalam tarian piring di Selangor mencerminkan keseimbangan, keanggunan, dan kekuatan. Menurut Zaitie Satibi (2019) dalam akhbar Harian Metro, Tarian Piring Selangor mempunyai 22 pergerakan yang membezakannya dengan tarian piring di Negeri Sembilan, Perak, Pahang dan Terengganu. Antara gerak tari yang menjadi ciri Tarian Piring Selangor seperti Helang Menyongsong Angin, Helang Berlegar Ke Depan, Tupai Bergelut, Gerakan Jalan Ketam, Siau Anak Dara, Lenggang Mak Janda dan Lompat Gagak antara bunga tari yang dikenal pasti sebagai Tarian Piring Selangor menerusi penyelidikan dilakukan Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT).

Selain itu, turut dinyatakan oleh Selangor Travel (2019) di laman webnya iaitu terdapat beberapa lagi gerakan lain dalam Tarian Piring Selangor antaranya Gerakan Tayang Piring, Meniti Benang, Tadah Embun, Tikam Keris, dan Pulu Berlagu. Turut dinyatakan keunikan lain yang terdapat dalam tarian ini adalah para pengiringnya akan memakai sebarang cincin lalu mengetukkan jarinya pada piring itu hingga mengeluarkan bunyi. Ia akan dipertontonkan mengikut rentak muzik yang dialunkan sewaktu persembahan Tarian Piring Selangor berlangsung.

Hasil Carian:

- i) *Online Finding Aids UiTM (OFA)*
Berdasarkan pencarian di OFA, tidak terdapat sebarang hasil carian atau pun maklumat yang lebih lanjut mengenai warisan kebudayaan seni Tarian Piring Selangor.
- ii) *Online Public Access Catalogue (OPAC) UiTM*
Hasil carian melalui laman web OPAC UiTM mendapati cuma terdapat satu sahaja hasil carian yang berkaitan dengan Tarian Piring Selangor iaitu buku Tarian Piring Selangor yang ditulis oleh Mohammad Lotfi bin Nazar dan diterbitkan oleh Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT) di tahun 2018. Namun begitu, akses kepada buku adalah terhad kerana buku tidak boleh diakses

atau pun disewa dan perlu ke Perpustakaan UiTM Shah Alam atau perpustakaan awam tertentu yang ada menyimpan dan memelihara buku tersebut sahaja.

- iii) *Online Public Access Catalogue (OPAC) Perpustakaan Negara Malaysia*
Berdasarkan carian melalui OPAC PNM, jumlah hasil carian tetap terhad. Cuma terdapat satu sumber dari penulis yang sama iaitu buku Tarian Piring Selangor yang ditulis Mohd. Lotfi bin Nazar. Buku tidak boleh diakses secara atas talian.
- iv) *Media Sosial*
Sebahagian maklumat dan gambar berkenaan dengan Tarian Piring Selangor diperolehi melalui Facebook Tarian Piring Jenderam Hulu. Laman Facebook tersebut dikendalikan oleh Encik Muslimin bin Manap sendiri. Beliau banyak membuat hantaran mengenai Tarian Piring Selangor seperti gambar ketika persembahan, bermain alat muzik dan ketika ditemu bual.
- v) *Buku Tarian Piring Selangor*
Pengkaji telah pergi ke Perpustakaan Tun Raja Uda yang terletak di Seksyen 13, Shah Alam bagi mendapatkan akses untuk buku Tarian Piring Selangor terbitan PADAT. Buku ini hanya ada satu dalam koleksi dan tidak boleh disewa. Buku ini terbuka untuk digunakan oleh awam, namun ianya hanya boleh digunakan di dalam perpustakaan sahaja. Kebanyakan besar dari maklumat mengenai tarian diperolehi dari buku ini, soalan yang dibuat juga adalah berdasarkan fakta yang berkisar di dalam buku.
- vi) *Temu bual*
Melalui sesi temu bual yang telah dijalankan bersama Encik Muslimin bin Manap selaku pewaris ketiga seni Tarian Piring Selangor dan bersama Puan Hamidah bin Manap, yang merupakan tenaga pengajar Tarian Piring Selangor yang masih aktif sehingga kini yang juga merupakan kakak kepada Encik Muslimin. Berdasarkan temu bual, mereka berdua telah terlibat secara aktif dalam Tarian Piring Selangor sejak di usia kanak-kanak dan kini menjadi tenaga pengajar dalam memastikan tarian ini tetap dikenali oleh generasi muda sekarang. Sesi temu bual yang dijalankan dikendalikan oleh pengkaji yang mengemukakan soalan yang berkait tentang Tarian Piring Selangor. Untuk memudahkan dan memastikan sesi temu bual berjalan lancar, soalan-soalan tersebut telah dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu orientasi, lazim dan spesifik. Perkara ini jelas memudahkan pengkaji untuk mengumpul informasi yang diperlukan dengan lebih terperinci dan tersusun serta mampu menyokong maklumat yang terdapat di dalam buku.

7. METODOLOGI

Temu bual dijalankan secara bersemuka bersama Encik Muslimin bin Manap kerana beliau merupakan waris ketiga Tarian Piring Selangor dan pemilihan ini dianggap tepat oleh para pengkaji memandangkan Encik Muslimin telah terlibat secara aktif dalam seni budaya ini sejak beliau berumur 8 tahun. Penglibatan beliau yang lama dalam tarian memberikan perspektif yang unik dan mendalam dalam perkembangan dan pemeliharaan tarian. Encik Muslimin jelas mempunyai pengetahuan yang luas yang pengalaman yang praktikal dalam mengamalkan dan juga mengajarkan Tarian Piring. Tokoh kedua yang dipilih pula ialah Puan Hamidah bin Manap yang merupakan kakak kepada Encik Muslimin dan telah aktif bersama-sama beliau dalam tarian sehingga kini.

Prosedur pengumpulan data dalam kajian ini melibatkan temu bual berstruktur yang dilakukan secara bersemuka dengan Encik Muslimin. Temu bual tersebut dijalankan selama 1 jam 59 minit untuk Encik Muslimin dan 1 jam bersama Puan Hamidah, membolehkan pengkaji mendapatkan maklumat yang mendalam dan terperinci. Soalan-soalan yang ditanya dalam temu bual tersebut dibahagikan kepada tiga bahagian utama iaitu orientasi, lazim dan spesifik. Soalan-soalan yang dibuat dan disoal adalah berfokuskan tentang latar belakang dan sejarah Tarian Piring Selangor, mengenal pasti perbezaan elemen-elemen utama dalam Tarian Piring Selangor dengan negeri-negeri lain, dan mengetahui tentang formasi dan gerak tari dalam Tarian Piring Selangor. Pembahagian dan pengkhususan soalan ini bertujuan untuk memastikan setiap aspek penting berkaitan tarian piring dapat dikaji secara sistematik dan menyeluruh.

Semasa temu bual dijalankan, data dikumpulkan melalui rakaman audio dan video untuk memastikan ketepatan dan kesahihan maklumat yang diperolehi. Rakaman ini membolehkan pengkaji mengkaji semula jawapan yang diberikan oleh Encik Muslimin secara lebih teliti, serta meneliti ekspresi dan intonasi yang mungkin memberi konteks tambahan kepada jawapan tersebut. Melalui rakaman juga, proses dokumentasi dan analisis data menjadi lebih mudah, membolehkan setiap butiran penting direkodkan dan dianalisis dengan tepat. Rakaman audio dan video ini juga bertindak sebagai bukti sokongan yang kukuh untuk dapatan kajian. Pelaksanaan temu bual secara bersemuka membolehkan pengkaji membina hubungan yang lebih rapat dengan Encik Muslimin, sekaligus menggalakkan beliau untuk berkongsi maklumat dengan lebih terbuka. Interaksi bersemuka juga membolehkan pengkaji mengamati reaksi dan bahasa tubuh Encik Muslimin, yang dapat memberikan maklumat tambahan yang mungkin tidak disampaikan secara verbal. Temu bual yang dijalankan selama hampir dua jam ini memastikan pengumpulan data yang komprehensif, meliputi setiap aspek penting dalam pemahaman dan pemeliharaan Tarian Piring Selangor. Pendekatan ini memastikan data yang dikumpulkan adalah berkualiti tinggi dan mencerminkan pengalaman serta pandangan sebenar Encik Muslimin mengenai tarian piring.

8. HASIL KAJIAN

Kajian ini meneliti seni warisan Tarian Piring di Selangor, termasuk sejarah, perkembangan, formasi, gerakan, makna budaya, dan impaknya dalam masyarakat tempatan. Tarian Piring Selangor adalah tarian tradisional yang berasal dari Minangkabau, Sumatera Barat, Indonesia, dan telah menjadi sebahagian daripada warisan budaya Malaysia, khususnya di Selangor.

Tarian Piring Selangor telah diperkenalkan oleh masyarakat Minangkabau yang berhijrah ke Malaysia. Tarian ini pada asalnya mempunyai elemen ritual tetapi kini lebih banyak dipersembahkan sebagai hiburan dalam majlis perkahwinan dan keramaian. Perubahan dalam tarian ini mencerminkan adaptasi budaya setempat dan pengaruh tempatan. Tarian Piring melibatkan penari yang membawa piring di kedua-dua tangan sambil melakukan gerakan yang lincah dan teratur. Setiap gerakan dalam tarian ini mempunyai maksud tertentu, seperti Tupai Bergelut. Formasi tarian piring di Selangor mungkin berbeza sedikit dengan yang ada di negeri-negeri lain atau di negara asalnya, bergantung kepada adaptasi negara atau negeri tersebut.

Tarian piring bukan sahaja seni tarian tetapi juga terdapat nilai-nilai budaya seperti keberanian, kerjasama, dan kesungguhan. Di Selangor, tarian ini dipandang sebagai lambang kekayaan dan kemewahan, terutama dalam majlis-majlis besar. Kajian mendapati bahawa makna dan simbolisme dalam tarian ini penting untuk difahami bagi memastikan warisan budaya ini dihargai sepenuhnya. Salah satu permasalahan utama yang dikenalpasti ialah kekurangan dokumentasi dan kajian mendalam tentang seni budaya ini. Hal ini menyebabkan kesedaran dan pemahaman yang kurang di kalangan generasi muda. Tambahan pula, kekurangan sumber manusia yang mahir sebagai penari dan jurulatih juga mengancam kelangsungan warisan ini. Faktor kewangan dan infrastruktur

yang tidak mencukupi turut menyumbang kepada cabaran dalam memelihara dan mempromosikan tarian piring.

Kajian ini menekankan pentingnya pemuliharaan warisan budaya melalui pendidikan, promosi media, dan kerjasama dengan pelbagai pihak termasuk kerajaan, organisasi budaya, dan lembaga pendidikan. Dengan memahami sejarah, formasi, dan makna tarian piring, kita dapat memastikan warisan ini terus hidup dan berkembang dalam masyarakat kita. Kajian juga menunjukkan bahawa pemeliharaan warisan budaya seperti Tarian Piring dapat memperkukuhkan identiti dan perpaduan di kalangan masyarakat Malaysia. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa Tarian Piring Selangor adalah elemen penting dalam warisan budaya Malaysia yang perlu dipelihara dan dihargai. Melalui usaha pendidikan, promosi, dan dokumentasi yang lebih baik, kita dapat memastikan tarian ini terus diwarisi oleh generasi seterusnya. Adalah penting untuk terus menyokong dan memperuntukkan sumber yang mencukupi bagi memastikan kelangsungan warisan budaya ini.



Gambar 1: Alat muzik yang digunakan dalam seni Tarian Piring Selangor

9. KESIMPULAN

Disimpulkan bahawa, Tarian Piring Selangor merupakan warisan kebudayaan yang mempunyai akar yang dalam dari masyarakat Minangkabau dan telah diadaptasikan oleh masyarakat Melayu di Selangor. Tarian ini bukan sahaja mencerminkan keindahan gerakan tradisional tetapi juga menggabungkan elemen-elemen budaya yang penting bagi menunjukkan dan sebagai lambang dan identiti masyarakat Selangor. Melalui kajian dan usaha melestarikan tarian ini, kita dapat melihat betapa pentingnya untuk memelihara warisan budaya agar tidak hilang ditelan zaman. Usaha seperti memperkenalkan tarian ini kepada generasi muda dan mengadakan persembahan budaya membantu mengekalkan relevansi dan kefahaman mengenai tarian piring dalam konteks budaya kontemporari.

Tarian tradisional penting diperkenalkan dan didedahkan kepada generasi akan datang. Hal ini untuk memberikan peluang kepada generasi muda untuk mengenali dan menghargai warisan budaya mereka, memperkukuhkan identiti budaya dan rasa kebanggaan terhadap asal-usul mereka. Selain itu, mempelajari dan mengamalkan tarian tradisional seperti tarian piring juga dapat meningkatkan kefahaman mereka terhadap sejarah dan nilai-nilai tradisional, sekali gus memperkukuh jati diri dan kesedaran tentang kepentingan memelihara warisan budaya. Penglibatan dalam aktiviti kebudayaan seperti ini juga boleh memupuk disiplin, kerjasama, dan kreativiti dalam

kalangan generasi muda, serta menyumbang kepada perkembangan seni dan budaya negara secara keseluruhannya.

Penghargaan: Segala puji dan syukur dipanjatkan ke hadrat Allah SWT, Tuhan yang Maha Esa, atas rahmat dan hidayah-Nya yang melimpah ruah. Tanpa izin dan kurniaan-Nya, segala usaha dan ikhtiar dalam penyusunan dan penyelesaian kajian ini tidak mungkin dapat dicapai dengan jayanya. Dengan limpahan kasih dan sayang-Nya, segala urusan dipermudahkan dan segala cabaran dapat diharungi dengan kekuatan dan ketabahan.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada Encik Muslimin bin Manap selaku tokoh utama di atas kerjasama dan kesudian beliau untuk ditemubual. Di dalam kesibukan beliau sebagai Ketua Kampung di Kampung Jenderam Hulu, Sepang dan juga tenaga pengajar bagi kelab seni Kompang dan Tarian Piring Selangor, beliau tetap berusaha mencari sedikit masa yang tersisa untuk diluangkan bagi memenuhi keperluan kajian ini. Sumbangan beliau dalam memberikan pandangan, maklumat, dan pengalaman yang sangat bernilai telah banyak membantu dalam memperkayakan kandungan kajian ini. Keikhlasan dan komitmen beliau dalam berkongsi ilmu dan pengalaman amat dihargai dan memberikan inspirasi yang besar kepada kami.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga ditujukan kepada Encik Jafalizan Md. Jali, pensyarah yang banyak membimbing dan meluangkan masa untuk memberi tunjuk ajar serta nasihat. Terima kasih di atas masa yang diluangkan sepanjang sesi perbincangan dan komen yang membina daripada beliau membantu kami untuk menambah dan memperbaiki kualiti kertas kerja dalam kajian kami. Bimbingan dan sokongan beliau sangat bermakna, terutama sekali dalam membantu memperbaiki dan menambah baik hasil kajian ini. Kesabaran dan dedikasi beliau dalam memastikan kami memahami setiap aspek kajian amat penting untuk dititikberatkan dan menjadi pendorong dalam perjalanan akademik ini.

Akhir sekali, kami ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan yang banyak membantu secara langsung dan tidak langsung dalam proses penyusunan kajian ini. Terutama sekali kepada Nurul Izzah dan Hanis Khairina, yang sentiasa memberikan sokongan moral, idea, dan bantuan terutama sekali semasa sesi temubual berlangsung yang tidak ternilai. Keikhlasan dan kerjasama yang diberikan oleh mereka telah banyak membantu dalam mencapai kejayaan ini. Semoga segala jasa baik dan sumbangan mereka mendapat balasan yang setimpal daripada Allah SWT.

RUJUKAN

- Aziz, F. A., & Ibrahim, N. H. (2019). Reclaiming Intangible Cultural Heritage through Revival of Malay Traditional Dance: The Case of Mak Yong. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 9(10), 774–785.
- Ekspresi Tari bawa kelainan Tarian Piring Selangor – Selangorkini. (n.d.). Retrieved from <https://arkib.selangorkini.my/2019/07/ekspresi-tari-bawa-kelainan-tarian-piring-selangor/>
- Indrayuda. (2013). Popularitas Tari Piring sebagai Identitas Budaya Minangkabau. *Panggung*, 23(3). <https://doi.org/10.26742/panggung.v23i3.141>
- Johari, S. (2022, August 3). 12 Persembahan kebudayaan anda perlu tahu - BASKL. *BASKL - Bandar Aktiviti Seni Kuala Lumpur*. <https://baskl.com.my/12-persembahan-kebudayaan-anda-perlu-tahu/>
- Kebudayaan, J. P. D. (n.d.). Vol. 20 No. 3 (2014) | *Jurnal Pendidikan dan Kebudayaan*. Jurnal Pendidikan Dan Kebudayaan - Badan Standar, Kurikulum, Dan Asesmen Pendidikan, Kemendikbudristek. <https://jurnaldikbud.kemdikbud.go.id/index.php/jpnk/issue/view/15>
- Harian Metro. (2019, July 30). *Keunikan tarian Piring Selangor* [Video]. YouTube. <https://www.youtube.com/watch?v=G-Nh86cVRq4>

- Mohd Khairie, A. (2018). Understanding Traditional Malay Dance through Symbolism: A Case Study of Zapin. *Journal of Southeast Asian Studies*, 45(2), 213–226.
- Nasruddin, N. E. M., & Ramli, Z. (2020). KEBERKESANAN MEDIA MASSA DAN MEDIA SOSIAL KEPADA MASYARAKAT DALAM MENYELESAIKAN ISU PENJAGAAN WARISAN NEGARA (THE EFFECTIVENESS OF MASS AND SOCIAL MEDIA FOR SOCIETY IN RESOLVING NATIONAL HERITAGE PRESERVATION ISSUES). *THE EFFECTIVENESS OF MASS AND SOCIAL MEDIA FOR SOCIETY IN RESOLVING NATIONAL HERITAGE PRESERVATION ISSUES*, 4(1).
- Nazar, Mohd Lotfi. (2018). *Tarian Piring Selangor. Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor*, Shah Alam. ISBN 9789832563112.
- Nurhasanah, L., Siburian, B. P., & Fitriana, J. A. (2021). PENGARUH GLOBALISASI TERHADAP MINAT GENERASI MUDA DALAM MELESTARIKAN KESENIAN TRADISIONAL INDONESIA. *Jurnal Global Citizen*, 10(2), 31–39. <https://doi.org/10.33061/jgz.v10i2.5616>
- Rahmat, R., & Ahmad, S. (2021). Preservation of Traditional Malay Performing Arts in the Digital Age: Challenges and Opportunities. *Journal of Cultural Heritage Management and Sustainable Development*, 11(3), 320–335.
- Satibi, Z. (2019, July 31). Tarian piring Selangor mengasyikkan [METROTV]. *Harian Metro*. <https://www.hmetro.com.my/amp/nuansa/2019/07/481140/tarian-piring-selangor-mengasyikkan>
- Surya, W. (2018). TARI PIRING DI PANDAI SIKEK SEBUAH TINJAUAN PEWARISAN. *Laga-Laga : Jurnal Seni Pertunjukan*, 4(1), 57–69. <https://doi.org/10.26887/lg.v4i1.528>
- Taib, H. (July 29, 2019). Ekspresi Tari bawa kelainan Tarian Piring Selangor-SelangorKini. Retrieved from, <https://arkib.selangorkini.my/2019/07/ekspresi-tari-bawa-kelainan-tarian-piring-selangor/>